—

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
KAWASAN : SEKIJANG
TARIKH : 13.11.2008 (KHAMIS)
SOALAN NO. : 23

SOALAN

Y.B. DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED minta M**ENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menyekat kemasukan lambakan produk barangan elektrik yang tidak berkualiti ke negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kemasukan barangan import yang tidak berkualiti ke negara ini dikawal melalui penggunaan standard. Standard mandatori diguna pakai untuk memastikan

hanya produk yang memenuhi standard yang ditetapkan diimport ke negara ini. Mekanisme ini adalah selaras dengan peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan diguna pakai oleh ahli WTO untuk mengawal kemasukan produk import yang tidak berkualiti demi menjaga keselamatan dan kesihatan pengguna, alam sekitar dan sebagainya.

Sehingga kini, Jawatankuasa Standard Industri Elektroteknikal di bawah SIRIM Berhad telah membangun 732 standard bagi barangan elektrik dan elektronik. Daripada jumlah ini, 57 standard telah dijadikan mandatori, manakala baki 675 diguna pakai secara sukarela. Antara barangan elektrik yang dikenakan standard mandatori adalah kabel dan kabel tenaga, wayar dan abah-abah wayar (wire harnessess), kord telefon dan kord tenaga.

Para pengimport perlu memperolehi sijil kelayakan standard daripada SIRIM Berhad dan Suruhanjaya Tenaga sebelum mengimport barangan elektrik dan elektronik. Di samping itu, bagi barangan elektrik dan elektronik tertentu, pengimport juga perlu mendapatkan Lesen Import daripada Suruhanjaya Tenaga. Jabatan Kastam bertanggungjawab untuk memastikan para pengimport barangan elektrik dan elektronik mendapat sijil kelayakan standard dan Lesen Import sebelum barangan tersebut dibenarkan masuk ke negara ini.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan dan pemantauan produk yang tidak berkualiti serta membahayakan keselamatan pengguna di pasaran tempatan melalui Seksyen 19(4) dan 23, Akta Pelindungan Pengguna, 1999.

Disediakan oleh: Ketua Penolong Pengarah Kanan
Seksyen Amalan Perdagangan

Disemak oleh : Pengarah Kanan
Bahagian Kerjasama dan Amalan Perdagangan

Diluluskan oleh: Pengarah Kanan
Bahagian Dasar Sektoral